

Program Ijazah Sarjana Muda **Teknologi Kreatif Dengan Kepujian**

# Elektif: **Tekstil Fesyen**

Tempoh Pengajian: **8 Semester (4 Tahun)**

## SINOPSIS PROGRAM

Bidang Tekstil Fesyen menawarkan peluang pembelajaran dalam displin ilmu berkaitan rekaan dan teknologi dalam merekabentuk fesyen dan tekstil. Pelajar akan berpeluang menjadi pemimpin secara profesional dalam bidang industri dengan menghasilkan karya-karya kreatif dan inovatif di persada industri kreatif. Proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara teori dan praktikal menerusi kaedah pengajaran kuliah, studio, bengkel, amali di industri, pembangunan dan penghasilan produk, persembahan produksi dan penyelidikan ilmiah bagi memenuhi keperluan bergraduat. Pencapaian pelajar akan dinilai menerusi kaedah Penilaian Berterusan dan Peperiksaan. Peluang kerjaya dalam bidang ini meliputi Pengurusan Kreatif, Pereka Fesyen & Tekstil, Penyelidik, Ahli Perunding, Usahawan dan Pendidik.